



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X


Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Program Mobiliti Online, Inbound-Outbound UiTM Mukah & Universitas Jambi, Indonesia

Penulis: Dr Yusman Yacob dan Ikhwan Naguib Jusoh

MUKAH: Pada tanggal 15 Disember 2022, Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah mengadakan satu program mobiliti pengantarabangsa secara maya yang dinamakan sebagai "Online Inbound & Outbound bersama Universitas Jambi, Indonesia" yang bertujuan menggalakkan serta mempergiatkan aktiviti pertukaran pelajar antara universiti tempatan dan antarabangsa.



Seramai 124 orang pelajar daripada Semester 4-5 program BAIII (Diploma Pengajian Perniagaan) dan program BAII9 (Diploma Pengajian Perbankan) telah mengikuti program ini secara maya yang turut melibatkan 28 orang pensyarah di bawah Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan. Ia juga melibatkan penyertaan secara maya seramai 78 orang pelajar dan 4 orang pensyarah daripada Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universitas Jambi, Indonesia.

Program ini telah berlangsung selama 1 hari secara maya dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara syarahan dan persembahan pelajar. Pembukaan program ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Berbahagia Dr H.Junaidi, S.E. M.Si, Dekan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universitas Jambi. Pembentangan kertas kerja di sebelah sesi pagi disampaikan oleh Professor Dr Johannes, S.E. M.Si dengan syarahan bertajuk "*Rural Tourism Direction: Indonesian Experience*" dan diikuti Professor Madya Dr Syahmardi Yacob dengan syarahan bertajuk "*The Emergence of the Digital Millennial Generation: Indonesian Case*" dan diteruskan lagi dengan syarahan oleh Cik Fatin Alia binti Mohd Ali bertajuk "*The Land of Garuda and The Land of Tiger. Similarities*". Pada sebelah petangnya pula, sesi syarahan disambung oleh Dr Yusman bin Yacob dengan syarahan bertajuk "*Cooperative Entrepreneurship: Malaysia Experience*" diikuti oleh Professor Madya Dr Jati Kasuma bin Ali dengan syarahan bertajuk "*Purchasing a Luxury Product: Rational or Emotional Consideration?*" dan diakhiri dengan pembentangan daripada pelajar iaitu saudara Aaron Isut anak Atong dan saudara Clemence Mcsimillyan Takula anak Geoffrey bertajuk "*Transforming Ideas into Innovation*". Penutupan program ini telah disempurnakan oleh Professor Madya Dr Saimi Bin Bujang, Timbalan Rektor Hal-Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sarawak. Penganjuran program pada kali ini telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan serta bermanfaat dalam usaha memperkasakan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mampu meningkatkan *visibility* universiti di peringkat antarabangsa.